

# Malaysia atasi isu pendatang secara rasional

BH 31 AUG 2002

KUALALUMPUR, Jumaat – Malaysia akan menangani isu pendatang tanpa izin dari dua negara jiran Filipina dan Indonesia secara rasional, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, hubungan dua hala dengan dua negara terbabit juga tidak terjejas walaupun berlaku tunjuk perasaan di Jakarta dan Manila termasuk membakar bendera Malaysia.

“Saya cuba menyelesaikan perkara ini secara rasional. Jadi jika mereka kata bahawa kita memberi layanan buruk kepada rakyat Filipina, biar mereka datang dan tengok sendiri,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata, tindakan membakar bendera Malaysia itu juga bukan tindakan kerajaan Indonesia atau Filipina tetapi dilakukan oleh segelintir rakyat mereka dan ia tidak menjejaskan hubungan antara kerajaan.

“Ia bukan tindakan kerajaan. Jika kerajaan mula membakar bendera, maka kita mungkin terpaksa memutuskan hubungan... tetapi ini dilakukan oleh penunjuk perasaan. Kita juga mempunyai penunjuk perasaan yang sama di sini sebelum ini, tetapi ia tidak menjejaskan kerajaan,” katanya.

Ditanya mengenai dakwaan pihak Filipina bahawa Malaysia berlaku kejam terhadap rakyatnya, Dr Mahathir berkata: “Dia duduk sini berpuluh tahun dah, pakai hospital, sekolah, masa itu apa tak kata kita brutal (kejam) pun.”

Tindakan kerajaan mengenakan hukuman penjara dan sebat terhadap pendatang tanpa izin selepas tempoh pengampunan pada 31 Julai lalu, menimbulkan sentimen anti-Malaysia di Jakarta dan Manila.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata tidak ada bukti untuk menyatakan bahawa rangkaian al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden menggunakan Malaysia bagi menyalurkan dana di seluruh dunia seperti dilaporkan dalam laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Sejauh yang kita tahu, tidak ada. Jika ada bukti, kita akan ambil tindakan,” katanya.